

# Kerjasama UTHM, TLT Power

Bertujuan  
perkukuh  
pengajaran dan  
pembelajaran  
abad ke-21

KAMARUL HALIM M KAMAL

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memeterai perjanjian kerjasama (MoU) dengan syarikat TLT Power Sdn Bhd (TLT) bagi membangunkan kepakaran, kreativiti, penyelidikan, teknologi dan inovasi untuk pembelajaran abad ke-21.

Majlis menandatangani perjanjian yang berlangsung di Bilik Kuliah Pintar, UTHM ini disempurnakan Naib Canselor



Syarikat TLT Power menyerahkan replika cek kepada UTHM bernilai RM80,000 untuk perkakasan Kelas Pintar.

UTHM, ProfDr Wahid Razzaly manakala Kumpulan TLT Power Sdn Bhd diwakili oleh Pengarah Urusannya, Datuk Fahri Zaini Aminudin.

Wahid berkata, perjanjian kerjasama ini akan dapat

membantu penyelidik di UTHM melaksanakan transformasi empat perkara dalam menjayakan Pengajaran dan Pembelajaran 4.0 (PdP 4.0) sebagaimana saranan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh.

Menurutnya, saranan berkenaan yang menekankan aspek mereka bentuk semula ruang pembelajaran, kurikulum boleh lentur dan organik, pedagogi abad ke-21 serta teknologi PdP yang terkini.

Info

Majlis tandatangani MoU berlangsung di Bilik Kuliah Pintar, UTHM

“UTHM sentiasa mengalu-alukan sebarang kerjasama dengan pihak luar sama ada pihak industri atau agensi-agensi kerajaan yang lain untuk bersama-sama universiti melaksanakan transformasi bidang pendidikan serta lain-lain bidang kejuruteraan dan teknologi bersesuaian dengan kepakaran yang dimiliki.

“Melalui MoU ini kedua-dua pihak bersetuju untuk menjalankan kerjasama dalam pelbagai aspek seperti membangunkan kepakaran, idea, kreativiti, penyelidikan dan inovasi.” katanya.